



Penuntut UPM sedang menguruskan kios Kolej Canselor.

[KAMARULZAMAN/ BH]

Putra Niaga beri pengalaman berniaga

Oleh Basir Zahrom
basir@bharian.com.my

► Serdang

Perniagaan kios Putra Niaga Kolej Canselor, Universiti Putra Malaysia (UPM) banyak memberi pendedahan dan pengalaman berniaga kepada penghuninya terutama Majlis Tertinggi Mahasiswa (MTM) kolej itu.

Kios diberi nama Galeri Usahawan Canselor (GUC) itu dibuka oleh mahasiswa untuk mahasiswa kolej terbabit sambil disokong Pusat

Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar UPM.

Pengurus GUC, Ameerah Mohd Asri, 22, berkata kios itu dibuka hasil usaha pelajar terdahulu yang mengumpul modal untuk memulakan perniagaan barang keperluan harian, makanan serta perkhidmatan percetakan.

Katanya, GUC kini boleh dikatakan mencapai tahap membanggakan apabila boleh meraih pendapatan bersih sekitar RM800 ke RM1,000 sehari.

“Keuntungan diraih akan kami jadikan sebagai modal pusingan untuk membeli stok baru dan menjadi dana untuk penganguran aktiviti kolej ini. Lokasi strategik kios ini menjadi tarikan pelajar untuk datang sama ada membeli mak�an atau barang keperluan.”

“Depan kios ini ialah pusat hentian bas, oleh itu pelajar selalunya singgah untuk mendapatkan minuman dan makanan ringan seperti roti serta air minuman tenaga untuk alas perut sebelum ke kuliah,” katanya ketika ditemui di kolej berkenaan, di sini, baru-baru ini.



Penyelaras operasi

Timbalan Pengurus 2 Kolej Canselor, Fatin Nabilah Muhamad, berkata MTM dan penghuni yang terbabit dengan operasi GUC sememangnya mendapat pendedahan berguna dalam bidang perniagaan.

Katanya, MTM kolej itu mewujudkan tujuh unit bagi memastikan operasi GUC berjalan lancar seperti Unit Belian, Unit Jualan, Unit Pentadbiran, Unit Latihan & Aktiviti, Unit Operasi & Stok, Unit Kewangan dan Unit Publisiti.

"Kios ini beroperasi dari 8 pagi hingga 12.00 malam dan dikendalikan dua petugas separuh masa yang terdiri daripada penghuni kolej ini. Mereka dibayar RM3 sejam untuk menguruskan operasi kios selama dua jam secara bergilir-gilir dengan petugas lain mengikut jadual ditetapkan.

"Semua petugas ditemu duga sebelum terpilih untuk menjaga kios kerana tugas ini membabitkan wang, oleh itu selain minat berniga, kami mahukan mereka yang bertanggungjawab dan amanah. Antara cabaran yang kami hadapi ialah mengatur jadual petugas kerana mereka mempunyai jadual kuliah berbeza, selain perlu menyelesaikan tugas diberi pen-syarahan dan menjalankan aktiviti kolej," katanya.

Raih pengalaman

Sementara itu, Biro Unit Belian GUC, Mohd Amirul Syafiq Abdullah, berkata sejak membabitkan diri dengan pengurusan kios itu, beliau banyak belajar teknik pengurusan kedai terutama berkaitan penyediaan stok.

"Saya bertanggungjawab menyediakan bekalan stok barang di kios ini, walaupun sudah mempunyai pengalaman bekerja di luar, peluang belajar berniga ketika masih belajar ini banyak mengajar saya percaturan belian barang,



**Mohd Amirul
Syafiq Abdullah**



Fatin Nabilah Muhamad

membuat keputusan dengan cepat dan berkomunikasi secara pembekal.

"Di GUC, terdapat lapan pembekal roti meletakkan produk mereka di sini berikutan kedudukannya yang strategik, jadi saya perlu berurusan dengan pelbagai keranah pembekal. Tetapi mereka juga ada mengajar saya tip memastikan stok cukup dan susun atur barang pada rak di dalam kios," katanya.

